

21 DISEMBER 2017

Upah simpan heroin RM250

2 NEGARA

KOSMO! KHAMIS 21 DISEMBER 2017

KES PERTAMA Pemuda, kakak, dua anak saudara ditahan jadi pengantara dalang dan pengedar

Upah simpan heroin RM250

Oleh FIRDAUS HASSAN

KOTA BHARU — Seorang buruh dari Jalan Bunga Raya, Banggol Kulim, Rantau Panjang dekat sini hanya mengambil upah RM250 untuk menyimpan 109 botol heroin seberat 436 gram bernilai RM218,000.

Upah itu diterima daripada sindiket pengedaran dadah Thailand yang didalangi seorang lelaki dikenali sebagai Pak Ya.

Bagaimanapun, kegiatan haram lelaki terbabit terbongkar selepas sepasukan anggota Batalion 8 Pasukan Gerakan Am (PGA) menyerbu sebuah rumah di Jalan Bunga Raya pada pukul 4 petang pada Isnin lalu.

Dalam serbuan itu, polis menahan suspek utama lelaki berusia 23 tahun bersama kakaknya berusia 40 tahun serta dua anak wanita terbabit, masing-masing seorang lelaki dan perempuan berusia 18 dan 16 tahun.

Ketua Polis Kelantan, Datuk Hasanuddin Hassan berkata, ketika serbuan dibuat, suspek utama cuba melarikan diri dengan bersembunyi dalam bilik air di rumahnya sebelum mencampakkan sebungkus surat khabar berisi dadah ke atas bumbung rumah jiran.

"Pasukan kami terpaksa memecahkan pintu bilik air dan berjaya menahan suspek bersama satu beg hitam mengandungi heroin. Bungkus berisi dadah jenis sama yang dicampak oleh suspek turut ditemui di atas bumbung berkenaan.

"Hasil siasatan mendapati bekalan dadah itu diambil daripada seorang lelaki dari Thailand yang dikenali sebagai Pak Ya menerusi pangkalan haram di Rantau Panjang untuk dipasarkan di seluruh Kelantan," kata beliau pada sidang akhbar di sini semalam.

Menurut beliau, hasil siasatan lanjut terhadap suspek utama

mendapati dia melakukan kegiatan menyimpan dadah itu sejak dua bulan lalu dengan mengambil upah serendah RM250.

"Lelaki yang dikenali sebagai Pak Ya itu akan menyerahkan dadah itu kepada suspek ini untuk disimpan. Dadah itu kemudian akan diserahkan kepada pihak ketiga (pengedar) untuk diedarkan kepada penagih di negeri ini.

"Dadah yang dirampas mampu menampung bekalan kepada 40,000 penagih dan heroin gred 4 ini dikatakan paling berkualiti. Suspek mengaku ini kali keempat dia membuat kerja menyimpan dadah ini sebelum diserahkan kepada pihak ketiga," ujarnya.

Katanya, polis masih menyiasat sama ada tiga lagi ahli keluarga suspek utama itu terlibat dalam kegiatan ini.

Empat sekeluarga itu direman selama tujuh hari bermula semalam hingga Isnin ini bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952.



HASANUDDIN (kanan sekali) bersama pegawai lain menunjukkan dadah jenis heroin yang dirampas pada sidang akhbar di Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kelantan di Kota Bharu semalam.